

01/10/2002

KL-Belfast sependapat isu keganasan

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia dan Ireland hari ini berkongsi pendirian bahawa peperangan bukanlah cara terbaik untuk menyelesaikan sebarang konflik atau persengketaan.

Kedua-dua negara percaya bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan sebarang masalah sama ada domestik atau antarabangsa ialah melalui dialog dan diplomasi.

Mereka sependapat bahawa proses multilateral dan rundingan damai adalah jalan terbaik bagi menyelesaikan isu Palestin dan bagi mengelak kemungkinan berlaku peperangan di Iraq.

Pendirian itu disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Ireland, Mary McAleese, dalam pertemuan kira-kira 40 minit di Hotel Renaissance, di sini hari ini.

MacAleese, yang diiringi suaminya, Dr Martin MacAleese, tiba di sini semalam, dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bersama delegasi 55 orang.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kedua-dua pemimpin itu menganggap bahawa peperangan tidak menyelesaikan masalah. Hanya dengan pendekatan dialog dan proses multilateral masalah dapat diselesaikan.

Memberitahu pemberita selepas pertemuan itu, beliau berkata, Malaysia dan Ireland mempunyai pendirian sama ketika membincangkan isu keganasan serta berpendapat punca sesuatu keganasan itu berlaku perlu difahami.

"Kedua-dua pemimpin berkongsi pendapat sama bahawa kejadian ini (keganasan) walau pun tidak dapat diterima, ia mempunyai sebab yang perlu difahami, supaya jawapan sesuai ditemui bagi menangani keganasan.

"Mereka membincangkan isu kemungkinan peperangan berlaku di Iraq dan soal Palestin, serta sepakat bahawa ia perlu diselesaikan melalui rundingan damai," katanya.

Selain Syed Hamid, turut hadir pada pertemuan itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Duta Ireland ke Malaysia, Daniel Mulhall dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman selaku menteri pengiring.

Ireland mempunyai sejarah hubungan panjang dengan Malaysia terutama dalam sektor pendidikan. Negara itu adalah satu daripada destinasi pilihan untuk pelajar Malaysia khususnya dalam bidang perubatan.

Jumlah dagangan dua hala pula berjumlah RM6.5 bilion. Di kalangan negara Asia Tenggara, Malaysia adalah rakan dagang utama Ireland dan juga pasaran ketiga terpenting bagi Ireland di luar Kesatuan Eropah.

Terdahulu, MacAleese turut menerima kunjungan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tengku Fauziah Abdul Rashid.

Sebelum itu, McAleese diberi sambutan penuh istiadat di Dataran Parlimen di sini, hari ini. Ketibaan beliau disambut Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh pasukan pancaragam Kor Armor Diraja sebelum McAleese memeriksa kawalan kehormat oleh 108 pegawai dan anggota daripada Batalion Pertama Askar Melayu Diraja diketuai Mejar Abu Samah Mad Noh. Tembakan 21 das juga dilepaskan.

Kemudian, menteri-menteri kabinet dan ketua-ketua kedutaan asing di sini di perkenalkan kepada presiden itu.